

**DOCX.MY**  
**BERITA ONLINE ANDA!**  
Info semasa, Terkini, Viral, Agama, Pendidikan,  
Makluman, Resepi, Informasi Kerajaan Dan Lain-Lain

INFO LANJUT  [www.docx.my](http://www.docx.my)

 **DOCX.MY**  
SENANG DOWNLOAD

## Orang nampak kita menang berjaya, namun disebaliknya banyak perkara terpaksa berkorban - Datuk Azizulhasni



*Perasaan sedih tetap ada walaupun lebih 10 tahun selalu korbakan sambutan perayaan, namun saya simpan sendiri - Datuk Azizulhasni*

**NILAI:** Pengorbanan telah menjadi sebahagian daripada kehidupan jaguh basikal trek negara, Datuk Muhammad Azizulhasni Awang, yang memilih untuk tidak pulang meraikan Hari Raya Aidiladha yang disambut hari ini.

Sebagai seorang atlet negara dan dengan pertandingan penting yang akan berlangsung dalam waktu kurang dari

sebulan, pelumba berusia 35 tahun itu telah memilih untuk tidak beraya bersama keluarga. Sebaliknya, dia menghabiskan masa dengan melakukan latihan individu di Velodrom Nasional Malaysia.

“Saya memilih untuk berada di Nilai berbanding bersama keluarga di Ipoh dengan isteri dan anak-anak untuk menyambut Aidiladha memandangkan saya ada tiga minggu sahaja lagi sebelum ke Kejuaraan Dunia di Glasgow nanti,” katanya yang berada di velodrom selepas solat sunat Aidiladha.

“Lepas tiga minggu kita akan terbang ke Eropah, untuk persiapan terakhir di sana selama lima hari, kemudian kita akan ke Glasgow untuk berlumba.”

“Disebabkan itu saya rasa saya perlulah juga mengambil iktibar daripada pengorbanan Raya Korban itu sendiri, untuk diri saya, berkorban, dalam sambutan Hari Raya tu, walaupun tidak dapat bersama keluarga tetapi atas kepentingan negara, kerjaya saya, terpaksa saya berkorban Hari Raya Haji ini,” jelas Datuk Azizulhasni lagi.

Beliau juga mengungkapkan bahawa ini bukan kali pertama beliau mengabaikan sambutan Hari Raya. Sejak dikirim untuk berlatih di luar negara di Melbourne,

Australia pada usia 18 tahun, beliau telah banyak kali tidak menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha.



“Kadang-kadang tak dapat beraya dan semasa raya tu ada pertandingan. Waktu Hari Raya pun pagi-pagi lepas subuh kita dah pergi ke gimnasium ke, berkayuh dulu ke, lepas itu baharu ke masjid, untuk sembahyang raya dan sebagainya”.

Itu merupakan harga yang harus dibayar oleh Datuk Azizulhasni untuk mencapai puncak dunia, terlebih lagi setelah memenangi dua lagi pingat emas dalam acara pecut dan keirin di Kejuaraan Asia di Nilai minggu lalu. Kejayaan ini menjadikan beliau sebagai salah satu pelumba Asia terbaik dengan koleksi rekod tersendiri, mengumpulkan 12 pingat emas sejak tahun 2007.

Sebagai juara dunia keirin 2017 di Hong Kong, beliau menyatakan bahawa kehidupan luar negara memerlukan pengorbanan yang besar. Disiplin hidup dan kemandirian dalam menjalani program latihan tanpa kehadiran jurulatih menjadi sebahagian daripada cabaran yang beliau hadapi.

“Nak jadi atlet negara sebenarnya tak mudahlah, mungkin orang nampak kita menang, kejayaan dan sebagainya tetapi disebalik itu beginilah. Mungkin ada orang yang boleh bersama keluarga, rakan-rakan sambut Hari Raya, tapi kita kena berkorbanlah, sama ada kita nak ke tak nak kan.”

Individu yang juga dikenali sebagai 'Pocket Rocket Man' disebabkan oleh gaya pecutannya yang unik, telah menggambarkan rakan sepasukannya sebagai 'frontliner' dalam sukan negara yang tidak pernah berhenti berkorban, baik dari segi tenaga, masa, dan usia yang tak ternilai banyaknya.

“Contohnya saya duduk di Melbourne sejak usia 18-19 tahun, berbelas tahun disana, jadi mungkin satu masa nanti kalau dapat menang emas olimpik ganjaran sejuta, oh seronoknya kan. Tapi sejuta tu tak ada apa dibandingkan dengan waktu yang saya telah tinggal macam tu sahaja,” jelas bapa kepada dua orang anak perempuan itu lagi.

Beliau telah berdiri di podium untuk menerima pingat gangsa dalam acara keirin di Olimpik 2016 Rio dan pingat perak di Olimpik 2020 Tokyo. Kini, beliau sedang bersiap sedia untuk mencapai kejayaan emas yang dinantikan negara pada Olimpik 2024 Paris, yang hanya tinggal kurang dari setahun lagi sebelum acara tersebut berlangsung.